



Buletin PWS



قربانن وقف سلاشور
PERBADANAN WAKAF SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

MAIS 2014

www.wakafselangor.gov.my

PERBADANAN HARTANAH WAKAF ANTAR ERBADANAN WAKAF SELANGOR

KAT & SDI



USAHASAMA PROJEK KOMERSIL HARTANAH WAKAF SELANGOR

**PRESTASI KEWANGAN WAKAF
TAHUN 2012 HINGGA 2013**



ms
4

**WASIAT WAKAF :
INOVASI PROAKTIF PWS**



ms
6

bil. 1 / 2014 • ISSN : 2289-2877
PERCUMA

WAKAF MEMBANGUN UMMAH



SIDANG EDITOR

PENAUNG:

Y.A.D. Dato' Setia Ramli Bin Mahmud

PENASIHAT:

Tuan Abu Bakar Bin Yang

KETUA EDITOR:

Mohd Nasoha Bin Jaiman

EDITOR:

Mohd Azmi Bin Mison
Nor Azlina Binti Masuti
Anuar Bin Shahuddin
Mohd Hafiz Bin Ismail
Ibnu Hubain Bin Abdul Aziz
Mohd Huzairi Bin Hamdan
Nasrun Bin Ahmad
Mohd Rusli Bin Alias
Mohd Faiz Reza Bin Mohd Zakri
Shahrul Ashraf Bin Jamaluddin
Khairul Sofwan Bin Muhamad Rusman

kandungan

- 03** PRAKATA KETUA EDITOR
SEKAPUR SIREH
- 04** PRESTASI KEWANGAN WAKAF
TAHUN 2012 HINGGA 2013
- 06** WASIAT WAKAF : INOVASI
PROAKTIF PWS
- 08** PRESTASI PERKHIDMATAN eMAIS
SUMBANGAN SAHAM WAKAF
SELANGOR (SWS)
- 11** USAHASAMA PROJEK KOMERSIL
HARTANAH WAKAF SELANGOR
- 14** SEJARAH PERKEMBANGAN
WAKAF
- 17** SOAL JAWAB WAKAF
- 18** EJEN KUTIPAN WAKAF KHAS
- 19** CARA MENYERTA SAHAM WAKAF
SELANGOR
- 20** TANAH UNTUK DISEWA 2014
- 22** GALERI PWS



PRAKATA KETUA EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya **"Buletin PWS MAIS Bil. 1/2014"** dapat diterbitkan dan menemui sidang pembaca sekalian.

Pada terbitan kali ini, sidang editor akan mengupas berkenaan perkembangan pembangunan hartanah wakaf di Selangor. Setelah hampir tiga tahun PWS ditubuhkan, telah banyak program wakaf dilaksanakan di Selangor dengan kerjasama pelbagai pihak. Buletin kali ini juga akan membentangkan prestasi kewangan PWS bagi tahun 2013 berdasarkan Penyata Kewangan yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Insha Allah, dengan keluaran buletin ini akan dapat memberikan kesedaran kepada para pembaca akan kepentingan berwakaf dan manfaatnya kepada umat Islam keseluruhannya.

"Wakaf Membangun Ummah"

Mohd Nasoha Bin Jaiman

Ketua Editor
Buletin PWS MAIS



Sekapur Sireh

**Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat-Nya jua kerana izin-Nya, **"Buletin PWS MAIS Bil. 1/2014"** dapat menemui pada pembaca sekalian.

Proses pembangunan dan pemerkasaan ekonomi wakaf sememangnya memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Umat Islam bertanggungjawab untuk memastikan ibadah wakaf ini terus subur. Oleh yang demikian, PWS mengorak langkah untuk terus mengembangkan ibadah wakaf secara lebih komersil seterusnya mengukuhkan ekonomi umat Islam. Justeru itu, PWS telah menjalinkan kerjasama strategik bersama beberapa syarikat korporat demi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai. Pada masa akan datang, PWS berhasrat untuk lebih banyak menjalinkan kerjasama dengan harapan agar ibadah wakaf dapat memberikan impak positif kepada masyarakat.


Sesungguhnya Allah SWT menjanjikan ganjaran yang hebat kepada hamba-Nya yang melakukan kebaikan. Marilah sama-sama kita mengejar ganjaran yang telah dijanjikan dan ketahuilah janji Allah SWT itu adalah pasti.

Terima Kasih, Wassalam.


Abu Bakar Bin Yang

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Wakaf Selangor

PRESTASI KEWANGAN WAKAF TAHUN 2012 HINGGA 2013




Merujuk kepada Rajah 1, kutipan Saham Wakaf Selangor pada tahun 2013 adalah RM 18,066,493. Kutipan ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 55% kenaikan berbanding kutipan pada tahun 2012. Kutipan Saham Wakaf Selangor ini dibahagikan kepada dua jenis wakaf iaitu kutipan wakaf am dan kutipan wakaf khas. Wakaf Am bermaksud sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut hukum syarak. Manakala wakaf khas adalah sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut hukum syarak.



Merujuk kepada Rajah 2, pada tahun 2013 jumlah kutipan wakaf am ialah RM6,251,011 dan jumlah kutipan wakaf khas ialah RM11,815,482 dan menjadikan jumlah kutipan Saham Wakaf Selangor secara keseluruhannya pada tahun 2013 adalah sebanyak RM18,066,493. Berbanding jumlah kutipan wakaf am pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM4,004,452 dan jumlah kutipan wakaf khas sebanyak RM7,648,764 sahaja.

RAJAH 3 : SALURAN KUTIPAN SAHAM WAKAF SELANGOR (AM)



Merujuk kepada Rajah 3, pecahan kutipan mengikut saluran adalah seperti berikut iaitu saluran kutipan ibu pejabat, kutipan daerah, kutipan melalui potongan gaji, kutipan melalui ejen yang dilantik dan kutipan sahabat korporat. Kutipan melalui saluran ibu pejabat menunjukkan peningkatan sebanyak 191% iaitu RM647,667 berbanding RM222,893 pada tahun 2012. Manakala kutipan melalui daerah menunjukkan penurunan sebanyak 9% iaitu RM1,469,395 berbanding RM1,610,855 pada tahun 2012. Kutipan melalui potongan gaji juga menunjukkan peningkatan sebanyak 125% iaitu RM1,928,265 berbanding RM856,605 pada tahun 2012. Peratus sumbangan melalui potongan gaji paling banyak adalah dari sektor swasta dan badan berkanun. Kutipan melalui ejen yang dilantik juga menunjukkan peningkatan sebanyak 85% iaitu RM2,205,686 berbanding RM1,189,656 pada tahun 2012. Diantara ejen yang membuat sumbangan wakaf tertinggi adalah Lembaga Zakat Selangor dan diikuti oleh ejen perseorangan yang telah dilantik. Walaubagaimanapun pada tahun 2013 kutipan melalui sahabat korporat tidak dapat dilaksanakan kerana penumpuan diberikan kepada kutipan melalui saluran potongan gaji.

Oleh kerana itu, usaha untuk memperkasakan kutipan melalui sahabat korporat telah giat dijalankan pada tahun 2014 untuk meningkatkan kesedaran berwakaf dikalangan badan-badan korporat di Selangor khususnya agar sumbangan wakaf dapat dikutip dan seterusnya pewakaf akan menikmati rebat potongan cukai sebanyak 10% daripada pendapatan agregat.

WASIAT WAKAF : INOVASI PROAKTIF PWS

Merujuk kepada pendapat ahli-ahli Fiqh Mazhab Syafie, dari segi bahasa wasiat berasal dari perkataan 'wassa' yang bermaksud menghubungkan atau menyampaikan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang semasa hidupnya dengan ganjaran pahala selepas kematiannya.

Dari segi istilah pula, menurut Mazhab Syafie, wasiat ialah pemberian sesuatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat. Manakala beberapa ahli fuqaha' lain menta'rifkan wasiat sebagai suatu pemberian oleh seseorang kepada pihak lain sama ada berbentuk harta, hutang atau manfaat untuk dimiliki oleh penerima wasiat selepas kematiannya.

Jika dilihat tafsiran wasiat menurut Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, wasiat ertinya iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syara' selepas berlaku kematian.

Ibadah wasiat ini disentuh oleh Allah SWT secara khusus di dalam Al-Quran Surah al-Baqarah ayat 180 yang bermaksud :

Rasulullah SAW juga sangat menggalakkan umatnya yang mempunyai harta agar dapat melakukan wasiat semasa hidupnya. Ini berdasarkan kepada sabda Baginda SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim yang bermaksud :

"Seseorang muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur selama dua malam berturut-turut melainkan dia telah menulis wasiat disisinya."

Berdasarkan kepada Surah al-Baqarah ayat 180, wasiat seharusnya diberi kepada ibubapa dan kaum kerabat si mati. Dengan turunnya ayat khusus berkenaan pembahagian harta pusaka dalam Islam, maka Surah al-Baqarah ayat 180 telah dimansuhkan hukumnya oleh Allah SWT. Pemansuhan hukum tersebut telah disokong oleh sebuah hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi yang bermaksud :

"Diwajibkan ke atas kamu, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, hendaklah ia membuat wasiat kepada ibubapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa."



“Sesungguhnya Allah SWT telah menentukan hak-hak waris, maka tiada wasiat untuk waris.”

Melalui keterangan di atas dapat difahami bahawa, pihak waris tidak harus menerima wasiat daripada si mati. Penerima wasiat hendaklah di kalangan selain daripada waris si mati contohnya anak angkat kepada si mati. Antara individu yang digalakkan berwasiat adalah orang yang berharta, orang yang lanjut usia, orang yang tidak berkahwin, orang yang berhutang, orang yang tiada waris dan muallaf dengan kadar satu pertiga daripada harta. Sekiranya wasiat tersebut lebih daripada satu pertiga harta maka kebenaran daripada waris si mati perlu diperolehi terlebih dahulu. Wasiat boleh disertai dengan menghubungi Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ditalian 03-55143773/3570.

Islam menggalakkan umatnya untuk melaksanakan kebajikan ketika hidup di dunia sebagai persediaan di akhirat kelak. Berdasarkan kepada perkara tersebut PWS mengorak langkah proaktif mewujudkan produk baru iaitu Wasiat Wakaf. Wasiat Wakaf adalah dua ibadah yang digabungkan, seterusnya menerbitkan satu produk yang akan memberi peluang kepada masyarakat untuk melaksanakan ibadah wakaf walaupun telah meninggal dunia. Jika dilihat dari segi objektif wasiat dan wakaf kedua-dua instrumen ibadah ini bertujuan untuk melaksanakan kebajikan untuk mengharap keredhaan Allah SWT.

Masyarakat kini dapat merancang harta dan menikmati manfaat pahala yang berkekalan hingga hari kiamat dengan melaksanakan Wasiat Wakaf dengan memperuntukkan sedikit daripada harta yang dimiliki untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Dunia kini yang memerlukan kos hidup yang tinggi menyebabkan manusia berkira-kira untuk melaksanakan ibadah wakaf walaupun mempunyai harta. Dengan adanya produk terbaru daripada PWS ini, adalah diharapkan masyarakat dapat mengambil peluang keemasan ini untuk mencari keredhaan Allah SWT. Langkah awal yang dibuat oleh PWS bagi melaksanakan produk wasiat wakaf ini ialah pihak PWS menjalinkan kerjasama pintar dengan pihak MAIS. Sejak produk wasiat dilancarkan, kini terdapat tujuh orang individu telah menyertai wasiat wakaf dan dijangkakan ianya akan bertambah dari masa ke semasa.

Selain itu, pihak PWS akan menjalinkan kerjasama pintar dengan beberapa buah syarikat yang mempunyai kuasa wasi khas untuk meningkatkan kefahaman dan penyertaan masyarakat Islam di Negeri Selangor khususnya dan di seluruh negara amnya.





PRESTASI PERKHIDMATAN eMAIS

SUMBANGAN SAHAM WAKAF SELANGOR (SWS)

eMAIS merupakan perkhidmatan atas talian (online) yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk kemudahan pelanggan melakukan transaksi pembayaran atau sumbangan secara online. Perkhidmatan ini telah mendapat reaksi yang positif daripada pelanggan yang mana ianya telah menjadi medium yang mudah, cepat dan berkesan apabila berurusan dengan MAIS.


Sumbangan SWS adalah salah satu daripada tujuh (7) perkhidmatan online yang telah disediakan oleh MAIS untuk pelanggannya membuat transaksi secara online. Perkhidmatan ini boleh terus dilayari melalui laman sesawang MAIS (www.mais.gov.my) atau laman sesawang PWS (www.wakafselangor.gov.my). PWS bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pemprosesan resit dan sijil untuk pelanggan (pewakaf) yang telah berjaya melakukan transaksi sumbangan SWS secara online.

Secara keseluruhannya, terimaan sumbangan SWS secara online pada tahun 2013 adalah sebanyak RM194,277.73. Jadual 1 menunjukkan Terimaan Sumbangan SWS secara online mengikut tahun dan bulan manakala Graf 1 menunjukkan perkembangan prestasi Terimaan Sumbangan SWS secara online Tahun 2013:-




Tahun Bulan	2014 (RM)	2013 (RM)	2012 (RM)
Januari	21,200.00	32,572.00	1,150.00
Februari	10,735.00	20,940.00	2,590.00
Mac	54,669.42	14,750.00	1,530.00
April	31,300.00	12,107.00	2,600.00
Mei	-	2,000.00	3,880.00
Jun	-	0.00	3,150.50
Julai	-	9,240.00	6,140.00
Ogos	-	31,855.55	21,288.00
September	-	8,352.00	3,585.00
Oktober	-	15,651.50	11,819.00
November	-	12,985.68	12,091.00
Disember	-	33,824.00	41,855.83
Jumlah (RM)	117,904.42	194,277.73	103,809.33

Jadual 1



Graf 1

Jumlah terimaan Sumbangan SWS secara online bagi tahun 2013 telah meningkat sebanyak 42.52% berbanding tahun 2012. Graf 2 pula merupakan perbandingan Terimaan Sumbangan SWS secara online bagi Tahun 2012, Tahun 2013 dan Tahun 2014 (sehingga April). Terimaan Sumbangan SWS secara online Tahun 2014 sehingga Bulan April berjumlah RM117,904.42. Jumlah Terimaan Sumbangan SWS secara online Tahun 2014 ini telah melebihi jumlah Terimaan Sumbangan SWS secara online Tahun 2013 sebanyak RM37,535.42 (31.84%) bagi tempoh bulan yang sama. Peningkatan ini membuktikan bahawa perkhidmatan eMAIS telah diterima oleh masyarakat umum di Selangor khususnya dan di Malaysia Amnya.



Graf 2

PWS akan terus menyarankan kepada pewakaf untuk menggunakan perkhidmatan eMAIS bagi kemudahan mereka untuk membuat sumbangan SWS. Saranan ini akan dilaksanakan melalui pelbagai program sama ada anjuran PWS seperti ceramah, forum, karnival ataupun melaksanakan kerjasama program dengan agensi-agensi luar serta badan-badan korporat. Selain itu, hebahan melalui iklan-iklan media cetak dan media elektronik akan dipertingkatkan serta lain-lain aktiviti yang difikirkan sesuai oleh PWS. PWS telah menganggarkan bahawa Terimaan Sumbangan SWS secara online Tahun 2014 akan mencecah sehingga RM250,000.00. Dengan peningkatan penerimaan masyarakat umum berkenaan perkhidmatan eMAIS ini membolehkan MAIS dan PWS menambahbaik perkhidmatan ini demi memastikan pelanggan berpuas hati dengan layanan yang diberikan.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA PEMBANGUNAN HARTANAH WAKAF ANTARA PERBADANAN WAKAF SELANGOR

&
NADA SEPAKAT CORPORATION (MALAYSIA) SDN BHD
20 MAC 2014



USAHASAMA PROJEK KOMERSIL HARTANAH WAKAF SELANGOR

Pada 20 Mac 2014 (Khamis) bertempat di Hotel Concorde Shah Alam, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Projek Pembangunan Hartanah Wakaf antara PWS dan Nada Sepakat Corporation (M) Sdn. Bhd. (NSC) telah diadakan dan disempurnakan pelancarannya oleh Y.A.D. Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Majlis turut dihadiri oleh Orang-orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis Agama Islam Selangor, Badan-badan Korporat, pihak Perbankan dan agensi swasta serta wakil media tempatan.

Antara objektif utama program Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Projek Pembangunan Hartanah Wakaf ini diadakan adalah untuk memperkenalkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) sebagai salah satu badan yang berautoriti dan mempunyai kompetensi dalam menguruskan hal ehwal berkenaan pembangunan hartanah wakaf dan bagi merintis jalan serta mengorak langkah bagi menarik minat lebih banyak lagi syarikat-syarikat terutama syarikat bumiputera sama ada kerajaan dan swasta untuk bersama-sama PWS mengambil bahagian dalam membangunkan hartanah wakaf milik MAIS di Negeri Selangor khususnya dan Malaysia amnya pada masa akan datang.

Dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama tersebut, pihak PWS diwakili oleh Y.Bhg. Encik Abu Bakar bin Yang, Ketua Pegawai Eksekutif PWS manakala Y.Bhg. Encik Kamsol Said, Pengarah Eksekutif Kumpulan NSC mewakili pihak NSC.



Dalam ucapan Ketua Pegawai Eksekutif PWS, Encik Abu Bakar bin Yang menyatakan bahawa projek usahasama yang melibatkan tanah wakaf merupakan suatu projek pembangunan berbentuk komersial yang julung kali diadakan di Selangor dengan matlamat bagi meningkatkan nilai ekonomi serta pelaburan hartanah wakaf.

Beliau juga menyatakan bahawa projek perumahan ini dilaksanakan khusus untuk pembeli Islam dengan anggaran harga jualan rumah tersebut tidak melebihi RM500,000.00 seunit dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2016. Pembelian adalah berkonsepkan Al-Ijarah atau pajakan Islam dimana pembeli akan memiliki rumah di atas tanah wakaf tersebut mengikut tempoh 99 tahun namun milikan tanah kekal menjadi milik MAIS sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di Selangor.


Beliau juga turut menambah bahawa setiap projek pembangunan yang dilaksanakan di atas tanah-tanah wakaf di Selangor, hasil keuntungan pembangunan yang dilaksanakan,

sebanyak 30 peratus akan disalurkan semula kepada projek pembangunan berbentuk fisabilillah seperti pembinaan masjid, surau atau sekolah manakala 70 peratus lagi akan dikembangkan hasil keuntungan pembangunan tersebut dengan pelaburan semula seperti pembelian tanah-tanah wakaf atau aset-aset lain seperti rumah kedai dan kedai pejabat. Hasil pulangan daripada pelaburan semula tersebut akan disalurkan kembali kepada penerima manfaat tanah-tanah wakaf yang telah dibangunkan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kumpulan NSC, Encik Kamsol Said menyatakan bahawa cadangan pembangunan yang dirancang adalah berkonsepkan Rumah Kediaman Berkembar 1 ½ tingkat dengan keluasan binaan 1,600 kaki persegi bagi setiap unit rumah. Sebanyak lapan puluh (80) unit rumah akan dibangunkan di atas dua (2) lot tanah wakaf seluas 2.24 hektar di Batu 8, Jalan Kebun, Daerah Klang yang telah diwakafkan oleh Almarhum Abdul Rahman Ali untuk manfaat Surau Al-Falah Telok Pulai dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM 40 Juta.



Ilustrasi Cadangan Pembangunan Hartanah di Jalan Kebun Klang.



Cadangan Pelan Lantai Pembangunan Hartanah di Jalan Kebun Klang.

Cadangan pembangunan berkonsepkan perumahan adalah disebabkan kedudukan tanah wakaf tersebut yang sangat strategik kerana terletak di sebuah kawasan yang pesat membangun disamping kemudahan-kemudahan sedia ada seperti pasaraya besar, pusat komersil dan padang golf yang berdekatan serta kemudahan akses lebuh raya untuk ke kawasan tersebut seperti Lebuhraya Shah Alam (KESAS), Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) dan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE).

Adalah menjadi harapan PWS agar projek pembangunan secara usahasama yang dilaksanakan di atas tanah wakaf ini akan menjadi satu anjakan paradigma atau titik tolak ke arah kemajuan pembangunan hartanah wakaf yang lebih pesat serta menjadi pemangkin dalam meningkatkan ekonomi umat Islam disamping membantu usaha kerajaan dalam pembangunan hartanah wakaf di Selangor khususnya dan Malaysia amnya.



SEJARAH Perkembangan Wakaf

Allah SWT berfirman dalam surah Ali 'Imran, ayat 92:-

لَنْ نَّكَالُكَ إِلَّا بِرَحْمَةٍ نَّعْفُوكُمْ وَنُحِبُّوكُمْ وَمَا نَعْفُوكُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ

بِذَلِكَ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan suatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya."

Wakaf Dulu-Dulu

Di kampung-kampung, orang sering mewakafkan tanahnya untuk pembinaan masjid, surau, mahupun tanah kubur. Tidak kurang juga yang mewakafkan dusun buah-buahan atau telaga yang diusahakan sendiri. Selepas itu, setiap hari pasti ada orang tempatan atau orang luar yang singgah untuk mengambil manfaat. Ada juga yang mewakafkan al-Quran atau kitab-kitab di masjid dan surau dengan harapan agar semakin ramai jemaah dapat mengikuti kelas pengajian dengan selesa.

Itu sebahagian suasana yang telah wujud sejak zaman datuk nenek kita dahulu di Tanah Melayu ini. Semua orang dapat mengambil manfaat dan berkongsi nikmat kurniaan Allah SWT. Hasilnya, kehidupan si pewakaf itu semakin baik bahkan semakin bertambah kekayaannya malahan dia terus memberi dengan lebih banyak lagi. Mungkin itulah antara maksud hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna yang Allah SWT telah janjikan.

Rasulullah SAW Contoh Ikutan Terbaik

Sungguh benarlah kata-kata Allah Yang Maha Agung. Ibadah wakaf yang disyariatkan pasti tidak akan merugikan pengamalannya. Rasulullah SAW dan para sahabat adalah contoh terbaik dalam sejarah wakaf. Rasulullah SAW sendiri dalam peristiwa Hijrah ke Madinah telah mewakafkan tanahnya lalu didirikan masjid yang pertama dalam Islam iaitu Masjid Quba. Masjid Nabawi juga didirikan di atas tanah wakaf. Terdapat contoh lain seperti sahabat yang mewakafkan kebun tamar dan buah-buahan serta telaga untuk kegunaan umum.

Saiyidina Umar al-Khattab RA pernah menerima sebidang tanah di Khaibar. Beliau tidak pernah menerima harta yang lebih berharga dari itu. Lalu, beliau berjumpa Rasulullah SAW untuk mendapatkan nasihat tentang apa yang perlu dilakukan dengannya. Baginda SAW menasihatkannya agar mewakafkan tanah tersebut manakala hasilnya disedekahkan. Beliau mengambil nasihat itu dan hasilnya disedekahkan kepada fakir miskin, kaum keluarga, pembebasan hamba-hamba, orang yang berada di jalan Allah, dan Ibnu Sabil.

Saiyidina Uthman RA pula mewakafkan telaga yang dibelinya dari seorang Yahudi di Madinah. Menurut sejarah, telaga berkenaan adalah antara telaga sering digunakan oleh orang Muhajirin untuk tujuan minuman dan pertanian. Mereka (orang Muhajirin) yang kebanyakannya tidak berharta terpaksa berbelanja besar setiap hari untuk membeli air dari telaga-telaga yang sebilangan besarnya dimiliki orang Yahudi. Lalu Saiyidina Uthman RA mengambil inisiatif membeli telaga tersebut dan mewakafkannya. Sebahagian hasil pendapatan wakaf telaga berkenaan digunakan untuk manfaat kebajikan fakir dan miskin Muslim.

Abu Talhah RA adalah antara sahabat dari golongan Ansar di Madinah yang paling banyak hartanya. Setelah mendengar firman Allah SWT, beliau bercadang untuk mewakafkan harta yang paling disayanginya iaitu kebun kurmanya, Bairuha'. Bairuha' terletak berdekatan dengan Masjid Nabawi di mana Baginda SAW sering singgah di situ untuk makan kurma dan minum dari sumber airnya yang bersih. Baginda SAW memuji keputusannya namun Baginda SAW menggalakkan beliau menyedekahkan hartanya itu kepada kaum kerabatnya.

Pada zaman pemerintahan Kerajaan Umayyah dan Abbasiyah, Islam terus gemilang dengan institusi wakaf turut menjadi faktor penyumbangannya. Wakaf berkembang dengan pesat sehingga berjaya membangunkan banyak sekolah, perpustakaan dan universiti. Antara institusi pendidikan tinggi yang dibiayai dana wakaf ketika itu ialah Baitul Hikmah di Baghdad yang dipelopori oleh Khalifah al-Makmun.

Era pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah (1299 hingga 1923) menyaksikan peranan wakaf Turki yang sangat luas dan menyeluruh. Ketika itu, Islam berkembang ke Eropah dan umat Islam berjaya menguasai beberapa wilayah Barat termasuklah Greece malah mengancam Hungary, Austria, Itali dan Perancis. Perkembangan Islam dilambangkan antaranya dengan pembinaan masjid dengan seni bina yang tersergam indah dengan identiti unik Islamik Turki, dijayakan melalui wakaf. Malah dikatakan tiga per empat (3/4) daripada keluasan tanah Arab empayar Uthmaniyah merupakan tanah wakaf.

Wakaf Turki turut membiayai pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan pusat perdagangan. Ini semua adalah amal jariah yang dilakukan semata-mata untuk meraih pahala dari Allah SWT selain memberi manfaat kepada masyarakat dan dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Antara amalan wakaf Turki yang lain adalah membantu muda-mudi miskin berumah tangga, membantu pedagang dan pengusaha yang jatuh bankrap, membekalkan kasut kepada pelajar miskin serta menanam pokok di tepi sungai.

Begitu hebat gagasan wakaf pada zaman itu sehingga digambarkan bahawa "Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidur dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya bila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf."

Itu sebahagian sejarah wakaf dari zaman Rasulullah SAW dan para sahabat sehingga tamat era kegemilangan Uthmaniyah. Antara yang masih ada ialah Universiti Al-Azhar di Mesir yang kini berusia lebih 1,000 tahun, telah dibangunkan sejak zaman pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah lagi melalui wakaf. Bermula dengan sebuah masjid, ia kemudiannya menjadi sebuah universiti Islam terkemuka dunia yang telah melahirkan ramai ulama dan tokoh ilmuan Islam. Para penuntut hanya dikenakan yuran yang minimum bahkan pembiayaan gaji, pengurusan dan pentadbiran lain-lain juga menggunakan dana wakaf.

Begitulah hebatnya ibadah wakaf yang dibawa Islam. Bahkan Barat turut mengambil manfaat darinya dengan 'menjenamakan semula' ke bentuk yayasan, *trust fund*, *estate planning*, *charitable fund* atau *endowmen*. *University Of Oxford* di England sebagai contohnya merupakan salah sebuah universiti terkemuka dunia yang dibangunkan melalui *endowmen*. Universiti ini mempunyai lebih dari 30 kolej yang menawarkan pelbagai bidang pengajian. Antara kolej yang tertua adalah *Merton College* yang kini telah berusia hampir 750 tahun, diasaskan oleh *Walter De Merton* pada tahun 1260-an melalui *endowmen*.



Barat amat mengambil iktibar dari peristiwa Perang Salib. Dari peristiwa itu, mereka telah melihat satu perkembangan menakjubkan yang berlaku di Tanah Arab akibat dari perkembangan pesat institusi wakaf. Lalu mereka mula mengorak langkah membawa balik kaedah wakaf untuk diaplikasikan di tempat mereka. Maka lahirlah antaranya Universiti Harvard, Oxford dan Cambridge.

Perkembangan Wakaf di Malaysia

Sebahagian dana dan harta wakaf di Malaysia dikhususkan untuk pembinaan masjid, surau dan tanah kubur. Wakaf juga memainkan peranan yang penting dalam bidang pendidikan di Malaysia. Banyak institusi pendidikan seperti institusi pengajian pondok, madrasah, sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) yang sebahagiannya dibiayai oleh harta wakaf. Ia meliputi pembinaan bangunan sekolah, asrama pelajar, biasiswa, saaran dan peralatan pembelajaran. Kebanyakannya tertumpu pada tahap pendidikan rendah dan menengah.

Kerajaan mengambil peranan penting dalam memajukan wakaf. Dalam usaha untuk membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah, Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) ditubuhkan pada 27 Mac 2004 di bawah Jabatan Perdana Menteri oleh Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi, Perdana Menteri ketika itu semasa mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia. Antara tujuan penubuhan JAWHAR adalah bagi memastikan pentadbiran harta wakaf, zakat dan urusan haji di seluruh negara lebih tersusun, sistematik dan berkesan.

Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ditubuhkan pada Julai 2008 di bawah JAWHAR. Di antara objektif penubuhannya adalah untuk membangun dan memajukan harta-harta wakaf di seluruh negara melalui kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal wakaf di negeri masing-masing. Antara projek wakaf yang diuruskan

YWM adalah penubuhan Akademi Kuliner Terengganu - kerjasama dengan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Terdapat juga pembangunan hotel-hotel wakaf yang dibangunkan melalui kerjasama YWM dengan Majlis Agama Islam Negeri di atas tanah-tanah wakaf antaranya di Negeri Sembilan, Perak, Melaka dan Terengganu.

Wakaf tidak dikesampingkan dalam agenda pembangunan ekonomi negara. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak dalam ucapan Belanjawan 2013 pada 28 September 2012 memberi tumpuan kepada wakaf korporat. YWM diberi tanggungjawab untuk merangka Pelan Induk Wakaf Korporat dengan mengambilkira struktur perundangan agama Islam negeri. Pelan induk tersebut bakal menjadi pemangkin pembangunan wakaf korporat di Malaysia.

Di peringkat negeri pula, wakaf diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri. Di Negeri Selangor sebagai contoh, Majlis Agama Islam Selangor telah menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) pada 2011. Bagi negeri-negeri lain seperti Terengganu, Pahang, Pulau Pinang dan Kedah, wakaf diuruskan sendiri oleh majlis agama Islam negeri masing-masing.

Harapan Semua

Adalah menjadi harapan kita semua untuk mengembalikan semula kegemilangan institusi wakaf seperti yang pernah dilakar dalam sejarah. Dengan mendalami ilmu dan mengambil iktibar sejarah silam, kita mampu merealisasikan impian murni ini. Kebangkitan dan kejatuhan adalah lumrah, semuanya telah tertulis. Sejarah tetap sejarah namun apa yang penting adalah bagaimana kita mengambil pengajaran darinya dan berusaha untuk menjadi lebih baik. Semoga satu hari nanti gagasan wakaf yang pernah berjaya di Turki suatu masa dahulu bakal berulang. InshaAllah.

SOAL JAWAB WAKAF

Soalan 1:

Assalamualaikum, saya ingin bertanya bagaimanakah cara untuk menggunakan prosedur Saham Wakaf Selangor (wakaf khas) bagi tujuan pembinaan surau / masjid di taman perumahan saya.

Prosedur Kutipan Saham Wakaf Selangor (Wakaf Khas) merupakan satu kaedah mengutip dana wakaf bagi pembangunan dan pembinaan masjid dan surau yang tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia (RMK). Kebenaran ini dikeluarkan setelah permohonan lengkap di terima dan penurunan kuasa diberikan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) untuk mengutip dana wakaf khas. Ia merupakan satu bentuk kerjasama di antara Institusi surau/masjid dengan PWS bagi mengawal-selia dana wakaf tersebut serta promosi bagi menjayakan pembinaan surau/masjid tersebut. Selain itu, keistimewaan penggunaan prosedur wakaf khas ini adalah pewakaf yang menyumbang akan mendapat pengecualian cukai pendapatan sehingga 7% bagi individu dan 10% bagi syarikat.

Berikut adalah dokumen yang diperlukan bagi tujuan permohonan prosedur wakaf khas :-

1. Menyediakan surat permohonan menggunakan prosedur kutipan wakaf khas;
2. Menyediakan kertas kerja yang ringkas dan lengkap;
3. Menyertakan surat kebenaran pembinaan surau/masjid/sekolah daripada pihak JAIS
4. Menyertakan status tanah bagi tapak projek tersebut daripada Pejabat Tanah Daerah atau kelulusan pembinaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
5. Mengisi Borang Permohonan Wakaf Khas.*
6. Mengisi Borang Kuasa Menyedia Dan Menandatangani resit (Borang G).*

*Borang ini boleh didapati di laman web PWS di www.wakafselangor.gov.my

Soalan 2:

Apakah kepentingan ibadah wakaf dan kelebihan daripada amalan ini?

Wakaf merupakan satu amalan yang sangat dituntut oleh Islam kerana ia merupakan sedekah yang bersifat jariah (berpanjangan dan berkekalan) yang dilakukan semasa hidup namun manfaat dan pahala yang berpanjangan mengalir kedalam tabungan amal kebaikan kita walaupun pewakaf telah meninggal dunia beratus tahun sekalipun. Walaupun hukum wakaf adalah Sunat namun amalan ini merupakan amalan yang dilakukan oleh Baginda SAW sendiri (sunnah) dan diikuti oleh para sahabat rid'uanullah alaihim ajmain.

Selain itu juga, wakaf merupakan satu instrumen yang dapat membantu ekonomi dan sosial umat Islam seperti kewujudan sekolah, klinik, hospital dan universiti wakaf. Bahkan lebih meluas seperti kompleks perniagaan, penternakan dan ladang pertanian dapat membantu ekonomi dan masyarakat Islam

EJEN KUTIPAN WAKAF KHAS

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) merupakan satu agensi dibawah MAIS yang menguruskan dana wakaf bagi pembinaan masjid, surau dan juga sekolah di negeri Selangor yang dalam proses pembinaan atau membaikpulih. Permohonan pembinaan atau membaikpulih masjid, surau dan ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan Menggunakan Prosedur Kutipan Saham Wakaf Selangor yang bersidang dua bulan sekali untuk tujuan kelulusan.

Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk meluluskan setiap permohonan daripada pihak masjid, surau atau sekolah. Selepas kelulusan ini, pihak institusi tersebut akan dipanggil untuk menghadiri sesi taklimat berkenaan Peraturan Terimaan Saham Wakaf Selangor Melalui Ejen Kutipan yang akan disampaikan oleh Bahagian Kewangan.

Selain itu akan diserahkan juga Arahan Wakaf Khas dan Surat Kuasa Menandatangani Resit MAIS bagi institusi yang terlibat. Pihak PWS juga akan menyerahkan buku resit bagi tujuan memudahkan institusi tersebut untuk membuat kutipan dana dan resit yang dikeluarkan juga layak untuk mendapat pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebanyak 7% bagi individu manakala syarikat sebanyak 10 %. PWS juga akan membantu institusi yang terlibat untuk membuat promosi di seluruh negeri Selangor serta membantu dalam mencari dana daripada orang ramai bagi tujuan pembinaan institusi tersebut.

Kelulusan untuk membuat kutipan wakaf ini adalah dalam tempoh enam bulan sahaja. Sekiranya dana masih belum mencukupi, institusi tersebut boleh memohon lanjutan untuk tempoh membuat kutipan. Untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan senarai institusi yang menggunakan prosedur kutipan Saham Wakaf Selangor boleh melayari laman sesawang www.wakafselangor.gov.my atau menghubungi **Ustaz Ibnu Hubain Abdul Aziz di talian 03-5518 8001.**



Pegawai PWS sedang menyampaikan taklimat Wakaf Khas kepada ejen yang dilantik.

CARA MENYERTAI SAHAM WAKAF SELANGOR

Kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk menyertai Saham Wakaf Selangor :

- **Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS**
Tingkat 10, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
- **Kaunter Perbadanan Wakaf Selangor (PWS), MAIS**
Tingkat Bawah, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.
- 
24 Kaunter Lembaga Zakat Selangor, MAIS di seluruh Selangor
- **Skim Infaq (Potongan Gaji)**
Kakitangan Kerajaan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun, Anak-anak Syarikat dan Swasta
- **Ejen Penerangan Dan Terimaan Sumbangan (Ejen Penerangan Individu atau Korporat)**
(layari www.wakafselangor.gov.my untuk senarai ejen)
- **Portal e-MAIS**
www.wakafselangor.gov.my
- **BANK ISLAM**
No. Akaun
12-038-01-010810-6
-  No. Akaun
10100-41-00021290-7
- **RHB IslamicBank**
No. Akaun
2125-2360-0009-15
-  No. Akaun
5621-0662-4154
- **Auto Debit**
Hubungi Ustaz Nasrun Ahmad (03-5514 3758)
atau email ke nasrun@wakafselangor.gov.my
untuk maklumat lanjut.
-  **CIMB ISLAMIC**
No. Akaun
1261-0001-4871-09
- Penyertaan melalui cek / money order / postal order hendaklah di atas nama
'PERBADANAN WAKAF SELANGOR'

TANAH UNTUK DISEWA 2014

Bil.	No. HM	No. Lot	Mukim / Tempat	Luas Tanah Wakaf (Ekar)	Kegunaan Tanah
Daerah Gombak					
1.	GM 427	46208	Batu (Jalan Sungai Tua, Ulu Yam)	2.7849	Pertanian



Bil.	No. HM	No. Lot	Mukim / Tempat	Luas Tanah Wakaf (Ekar)	Kegunaan Tanah
Daerah Kuala Selangor					
1.	GM 264	111	Pasangan	0.2688	Pertanian (Kolam Ikan)



TANAH UNTUK DISEWA 2014

Bil.	No. HM	No. Lot	Mukim / Tempat	Luas Tanah Wakaf (Ekar)	Kegunaan Tanah
Daerah Kuala Selangor					
2.	GM 1738	3025	Kg. Kuantan	0.8416	Pertanian



Untuk keterangan lanjut berkenaan sewaan, hubungi unit Pembangunan/ Sewaan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, PWS di talian 03-5514 3759 atau email ke huzairi@wakafselangor.gov.my.

Galeri PWS



1 2 Sesi menandatangani perjanjian bagi Ejen Persendirian Saham Wakaf Selangor bertempat di Bilik Mesyuarat Perbadanan Wakaf Selangor pada 29 Mei 2014.



3 Para jemputan sedang mendaftar pada Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Pembangunan Hartanah Wakaf antara PWS dan Nada Sepakat Corporation Sdn. Bhd. di Hotel Concorde, Shah Alam.

4 Pada majlis yang sama, Ketua Pegawai Eksekutif PWS sedang menyampaikan ucapan aluan.

5 Duta Wakaf PWS, Ustaz Don telah meluangkan masa melawat wad kanak-kanak dan menyampaikan cenderahati di Hospital Serdang sempena Program Ziarah Barakah anjuran PWS dan Lembaga Zakat Selangor pada 22 Mei 2014.



6 Para pesakit kanak-kanak sedang khusyuk mendengar cerita tauladan disampaikan oleh Ustaz Don yang turut disertai Pengarah Hospital Serdang.



7 Jelajah Wakaf Ustaz Don menjengah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang pada 5 Jun 2014. Objektif program adalah memberi kesedaran berwakaf kepada kakitangan awam.



8 PWS menerima kunjungan hormat dari Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) pada 22 April 2014.



9 Timbalan Pengerusi PWS, Dato' Hj. Ibrahim Md Yusof menerima cenderahati daripada delegasi Arab Saudi yang mengadakan kunjungan hormat ke PWS untuk mengetahui pengurusan wakaf di Negeri Selangor.

10 Program Ilmu Wakaf telah diadakan pada 18 Februari 2014 di Bilik Perundangan Islam bersama Prof. Madya Dr. Ismail Bin Mohd@Abu Hassan, Ahli Lembaga Pengarah PWS.



11 Pegawai PWS sedang membantu pewakaf untuk berwakaf dengan mengisi Borang Saham Wakaf Selangor.



12 Pegawai PWS sedang beraksi di Kejohanan Bowling Tahunan PWS di Monterez, Subang.

13 Encik Azman Mokhtari, Pembantu Eksekutif Pembangunan dan Sewaan menerima hadiah tempat ketiga Kejohanan Bowling Tahunan PWS daripada Ketua Pegawai Eksekutif PWS.



14 15 Pegawai-pegawai PWS menghadiri Bengkel Pemurnian Prosedur Kerja 2014. Bengkel selama tiga hari ini memberi fokus kepada penambahbaikan Manual Prosedur Kerja sedia ada.

Wakaf

Membangun Ekonomi Ummah



PERBADANAN
WAKAF
SELANGOR



قربان وقف سلڠور
PERBADANAN WAKAF SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

Tingkat 10, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5518 8001 Faks : 03-5514 3759
Email : wakaf@wakafselangor.gov.my
Web : www.wakafselangor.gov.my
Facebook : facebook.com/PWSmais

ISSN 2289-2877

